

Headline **Virus HIV melekat pada sperma**
Date **01 Nov 2009**
MediaTitle **Kosmo Ahad**
Section **Semasa**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **109,892 / 269,000**

Language **Malay**
Page No **49**
Article Size **127 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,522**
PRValue **4,565**




Virus HIV melekat pada sperma

HASIL kajian terbaru mendedahkan sperma mampu menyebarkan virus HIV yang membawa kepada penyakit AIDS, malah memainkan peranan utama dalam proses tersebut.

Menurut ketua penyelidik dari Universiti Buenos Aires di Argentina, Ana Ceballos, penemuan terbaru itu sekali gus menukar perspektif saintis sebelum ini yang mendapati pada golongan lelaki yang dijangkiti HIV, hanya air maninya, iaitu cecair pengangkut sperma yang menjadi agen penyebar HIV.

Namun, belum dapat dipastikan apakah peranan sperma itu sendiri, khususnya jika merujuk kepada golongan lelaki terbabit yang gagal menghasilkan sperma, seperti yang telah menjalani kaedah pemandulan, tetapi masih boleh bertindak sebagai penyebar HIV.

Menerusi laporan hasil kajian tersebut yang dimuatkan dalam Journal of Experimental



VIRUS HIV boleh melekat pada permukaan sperma.

Medicine itu, penyelidik mendapati virus tersebut terdapat pada permukaan sperma dan boleh menjangkiti sel-sel imun badan.

Virus tersebut disebarkan sperma menembusi sel imun badan yang dikenali sebagai sel dendritic melalui luka atau kemelececan yang dialami kesan perhubungan seks.

EKSTRA: Saintis mendapati lelaki berusia lanjut yang menjadi bapa berpotensi mendapat anak yang mempunyai masalah kesihatan berbanding menjadi golongan bapa pada usia muda.

Menurut ketua penyelidik dari Universiti Oxford, Profesor Andrew Wilkie, situasi itu berlaku kerana golongan tersebut lebih cenderung mempunyai tumor testikal dan seterusnya memberi kesan terhadap penghasilan sperma.